

U GB 13-05 00179 BC294

bah

MAHATHIR BERITAHU PELAJAR M'SIA KERJA NANTI MEREKA DI TANAH AIR

Mahathir - Pekerja an

Oleh Wan A. Hulaimi

1

LONDON, 13 Mei (Bernama) -- Kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia kini memudahkan siswazah yang berkelayakan mencari kerja apabila mereka pulang ke tanah air, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada para penuntut Malaysia disini semalam.

Katanya adalah penting untuk menyedari bahawa peluang pekerjaan Malaysia sangat banyak sehingga pendatang asing dari negara-negara jiran terpaksa diambil kerana rakyat Malaysia tidak mencukupi untuk mengisi pekerjaan yang ada.

+Saya yakin apabila saudara saudari kembali ke tanah air, peluang kerja akan menunggu. Bahkan sekarang ini, mereka yang telah berhijrah ke negara asing, sudah mulabalik ke tanah air untuk bekerja,+ katanya kepada 300 penuntut pada satu perjumpaan di Dewan Malaysia.

Dr Mahathir, yang tiba di sini pada hari Isnin dalam perjalanan ke Eropah untuk lawatan peribadi, memberitahu para penuntut itu, kebanyakan penuntut ijazah lanjutan, +isu hangat+ di tanah air sekarang ialah cadangan Pas untuk melaksanakan undang-undang hudud di Kelantan.-- Lagi

♥13/05/18-25MST

U GB 13-05 00193 BC295

bah

Mahathir - Pekerja an 2 London

Katanya beliau mengesyaki para pemimpin Kelantan sendiri tidak tahu bagaimana ia harus dilaksanakan. +Yang mereka tahu ialah apabila mereka cadang saja untuk melaksanakan hukum hudud maka kerajaan pusat akan memberi amaran dan taupun membantah tidak akan membenarkan mereka. Jadi kali ini kita benarkan-, + tambahannya.

Dr Mahathir berkata ada ketidaktentuan di kalangan pemimpin Kelantan mengenai siapa yang harus tertakluk kepada undang-undang itu, dengan ada yang mencadangkan tidak meliputi bukan Islam manakala yang lain mencadangkan ia merangkumi bukan Islam dan Islam dan yang lain berkata bukan Islam tertakluk kepada undang-undang mereka sendiri.

Terdapat fleksibiliti dalam Islam berhubung pelaksanaan undang-undangnya, tambah beliau, tetapi ada yang memilih untuk membawa "kekecohan dalam Islam dan membuat bukan Islam membencikan agama itu.

Katanya: +Adamasanya di mana hukum yang berat perlu diadakan tetapi dalam keadaan di Malaysia sekarang yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum kita menghadapi masalah untuk melaksanakan hukum yang berat ini.

+Kalau kita kenakan cuma kepada orang Islam sahaja maka ramailah orang Islam yang tak ada kaki tak adatangan. Dan mereka dikehendaki bersaing dengan orang bukan Islam di Malaysia'-- Lagi

♥13/05/18-42MST

bah

Mahathir - Pekerjaan¹³ London

+Sudah tentu-kemampuan mereka akan kurang . . . sudahlah kurang sekarang ini.+

PAS di Kelantan menggunakan undang-undang hudud untuk kepentingan politik, katanya, dan dengan berbuat demikian mereka membuat Islam dibenci.

Katanya Malaysia ialah sebuah negara yang aman kerana masyarakatnya hidup dalam harmoni dengan satu sama lain dan menghormati agama masing-masing,

Mengenai hubungan antara kaum, Dr Mahathir berkata pada satu ketika Malaysia dikritik oleh negara lain kerana Dasar Ekonomi Barunya yang mereka dakwa mendiskriminasikan bangsa lain.

Beliau menyebut Amerika Syarikat sebagaicontoh sebuah negara yang pernah mengkritikdasar ekonomi Malaysia tetapi sekarang menghadapi masalah perkauman.

Amerika pernah mempunyai dasar +tindakanafirmatif+ menyokong kulit hita bagi memperbaiki kedudukan ekonomi mereka tetapi-dasar itu diisytiharkan sebagai tidal; mengikt perlembagaan oleh mahkamah negara itu, tambah beliau.

Ini menyebabkan ketidakseimbangan dalam kemajuan kaum-kaum di sana, yang membawa kepada rusuhan kaum baru-baru ini, tambahnya.-- Lagi

13/05/18-52MST

CNS9004

UGB 13-05 00181 BC29' 7

bah

Mahathir - Pekerjaan 4 London

Tampanya :+Hariini sebenarnya ramai yang datang ke Malaysia untuk bertanya kitamacammanakita dapat hidup rukun damai di antara kaum-kaum yang menganuti agama-agama yang berbeza, daripada Afrika Selatan dan Amerika, mereka datang tanya.

+Jadi yang dulu jadi sasaran kri tik mereka, sekarang ini menjadi contoh kepada mereka. Kalau kita berbangga sedikit tidaklah bersalah kerana akhirnya dapat bntikan bahawa dasar kita lebih logik dan lebih berkesan daripada dasar-dasar mereka.+

Menjawab soalan seorang penuntut mengenai +pertikaian+ antara Raja-raja dan kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau daripada golongan pemikiran lama yang memegang teguh sistem raja tetapi tidak mahu melihat ia menjadi-tumpuan kebencian golonganmuda kerana penyalahgunaan.

Pada satu ketika, hampir semua negara. mempunyai raja, tambahnya tetapi kebanyakannyq telah menyingkirkan Raja-raja mereka kerana mereka sendiri menyebabkan diri Jnereka tidak popular.

Beliau berkata: Di United Kingdom inimasihada raja tetapi raja ini patuh kepada perfembagaan, tidak terlibat dengan pentadbiran, tidak menjadi pengarah syarikat ataupun berniaga atau apa-apa pun., walaupun dia kaya, ki ta aku idia kaya. -- Lagi

♥13/05/19-10MST

CNS9011

UGB 13-D 5 DD 176 BC 298

bah

Mahathir - Pekerjaan 5 (Akhir.) London

+Saya yakinkalau Queen Elizabethterlibat dalam perniagaan dan politik dan sebagainya, tak lama.

+Di Malaysia, kita mempunyai sistem raja berperlembagaan tetapi perlembagaan kita yang mencontohi perlembagaan Great Britain ini "ditulis," tidak seperti di Great Britain yang mana perlembagaannya tidak tertulis tetapi diamal secara tertib.

+Satu daripada peruntukan dalam perlembagaan ialah sesuatu undang-undang i tu tidak menjadi undang-undang sehingga dia ditandatangani oleh raja. Bermakna kata pemutus ialah raja, dan kalau raja tidak bersetuju maka undang-undang tidak dapat lulus.

+Ini bercanggah dengan sistem demokrasi yang kita amalkan di dalam negara yang mana yang menentukan apa-apa undang-undang hendak diluluskan ialah rakyat melalui wakil-wakil mereka.+

Perjumpaan dua jam ini, yang berakhir dengan sesi soal jawab, juga dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom Tan Sri Wan Sidek dan bekas Menteri Xewangan Tun Daim Zainuddin.

Perdana Menteri jugamembuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Britain John Major di No. 1.0 Downing Street, setibanya di sini pada hari Isnin. -- Bernama

♥13/05/19-23MST